

**PEMBERITAHUAN**  
**PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN & IKLAN TAHUN 2025**  
**MULAI 1 OKTOBER 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024**

1. Bagi pembaharuan lesen perniagaan dan iklan, pelesen perlu memastikan premis perniagaan mereka **tiada tunggakan cukai harta**. Semakan tunggakan boleh dibuat melalui laman sesawang 'e-khidmat', kemukakan bil cukai harta semasa atau semakan oleh petugas kaunter setempat.
2. Selaras dengan pelaksanaan tempoh sah lesen perniagaan dan iklan secara '*date to date basis*', pelaksanaan pembaharuan lesen untuk tahun 2025 boleh dibuat **seawal tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen tahunan** tanpa dikenakan sebarang penalti kelewatan pembaharuan lesen melalui cara berikut:
  - i. **Kaunter Setempat Menara MBBJ, Aras 3, Menara MBBJ**, No. 1. Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru;
  - ii. **Kaunter cawangan Johor Jaya**; atau
  - iii. **Pembaharuan secara atas talian di laman ekhidmat.my** (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>).
3. **Penalti kelewatan pembaharuan lesen** akan dikenakan keatas pemilik lesen **sepertimana berikut**:

**3.1 KADAR PENALTI (SEBELUM 1 JANUARI 2025)**

- i. **Pembaharuan dibuat selepas tamat tempoh sah lesen perniagaan dengan kebenaran lanjutan tempoh pembaharuan lesen adalah hanya selama dua (2) bulan dari tarikh tamat tempoh sah lesen.**
- ii. Kadar penalti dikenakan sebanyak 10% dari kadar fi lesen perniagaan.
- iii. Penalti hanya mula dikenakan apabila pelesen perbaharui lesen selepas tamat tempoh sah lesen semasa dan ia hanya akan terpakai oleh lesen yang diperbaharui secara *date to date basis* sahaja.
- iv. Penalti dikenakan setiap bulan bagi tempoh lanjutan pembaharuan lesen seterusnya tanpa sebarang pertimbangan rayuan pengurangan atau pengecualian dari dikenakan penalti. Ilustrasi pemakaian kadar penalti lewat adalah seperti berikut:

**3.1.1 Contoh pembaharuan secara '*Date to date basis*' : Tarikh tamat tempoh lesen pada 11 Oktober 2024, dan tempoh lanjutan pembaharuan lesen diberikan **dua (2) bulan**.**

AKTIVITI	FI LESEN	BULAN	TARIKH BAYARAN PEMBAHARUAN DIBUAT	PENALTI (10% DARI FI LESEN)	JUMLAH PERLU DIBAYAR
Kedai Pakaian	RM300	Oktober	12 Oktober 2024	RM30	RM330
		November	12 November 2024	RM30	RM360

### 3.2 KADAR PENALTI (BERKUATKUASA 1 JANUARI 2025)

**Berkuatkuasa pada 1 Januari 2025**, bagi pembaharuan lesen 2025, caj bayaran penalti lewat ini dikenakan kepada semua pelesen dengan dua (2) kadar baru seperti berikut:

- i. Kadar penalti dikenakan sebanyak **50%** dari kadar fi lesen perniagaan bagi kelewatan **bulan pertama hingga bulan keenam**.
- ii. Kadar penalti dikenakan sebanyak **100%** dari kadar fi lesen perniagaan bagi kelewatan **bulan ketujuh hingga bulan kedua belas**.
- iii. Penalti juga dikenakan setiap bulan bagi tempoh lanjutan pembaharuan lesen seterusnya tanpa sebarang pertimbangan rayuan pengurangan atau pengecualian dari dikenakan penalti. Penerangan bagi pemakaian kadar penalti lewat adalah seperti berikut :-

**3.2.1 Contoh pembaharuan secara Tahun Semasa : Tarikh tamat tempoh lesen pada 31 Disember 2024, tempoh lanjutan pembaharuan lesen diberikan enam (6) bulan.**

AKTIVITI	FI LESEN	BULAN	TARIKH BAYARAN PEMBAHARUAN DIBUAT	PENALTI (50% DARI FI LESEN)	JUMLAH
Kedai Pakaian	RM300	<b>Enam (6) bulan pertama</b> (Januari – Jun 2025)	1 Januari 2025 – 30 Jun 2025	RM150	RM450
AKTIVITI	FI LESEN	BULAN	TARIKH BAYARAN PEMBAHARUAN DIBUAT	PENALTI (100% DARI FI LESEN)	JUMLAH
Kedai Pakaian	RM300	<b>Enam (6) bulan kedua</b> (Julai – Disember 2025)	1 Julai 2025 – 31 Disember 2025	RM300	RM600

**3.2.2 Contoh pembaharuan secara 'Date to date basis':** Tarikh tamat tempoh lesen pada 27 April 2025, tempoh lanjutan pembaharuan lesen diberikan **enam (6) bulan**.

AKTIVITI	FI LESEN	BULAN	TARIKH BAYARAN PEMBAHARUAN DIBUAT	PENALTI (50% DARI FI LESEN)	JUMLAH
Kedai Pakaian	RM300	<b>Enam (6) bulan pertama</b> (April 2025 – September 2025)	28 April 2025 – 28 September 2025	RM150	RM450
AKTIVITI	FI LESEN	BULAN	TARIKH BAYARAN PEMBAHARUAN DIBUAT	PENALTI (100% DARI FI LESEN)	JUMLAH
Kedai Pakaian	RM300	<b>Enam (6) bulan kedua</b> (Oktober 2025 – Mac 2026)	28 Oktober 2025 – 28 Mac 2026	RM300	RM600

4. Setiap bayaran lesen yang telah dijelaskan kepada pihak Majlis tidak boleh dituntut semula sebagaimana peruntukan dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (MJB) 2016 sedia ada dalam UUK 7.
5. Lesen akan dibatalkan sekiranya pemilik lesen gagal menjelaskan pembaharuan lesen bagi tahun 2025 mengikut tempoh ditetapkan, merujuk kepada Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MJB) 2016.
6. Semua premis perniagaan yang ada menggunakan petak letak kereta di hadapan premis akan dikenakan caj penggunaan petak letak kereta. Pembayaran hendaklah dijelaskan ketika pembaharuan lesen dibuat di Kaunter Setempat Menara MJB atau Kaunter Cawangan Johor Jaya dan boleh juga menggunakan aplikasi MJB SPOT V2.
7. Bagi aktiviti perniagaan yang dibawah, perlu membuat permohonan pembaharuan lesen perniagaan & iklan terlebih dahulu ke Jabatan Pelesenan Majlis Bandaraya Johor Bahru sebelum pemeriksaan ke atas premis dilakukan:
  - i. Rawatan tradisional/urut tradisional
  - ii. Urut kaki (refleksologi)
  - iii. SPA
8. Peniaga hendaklah menggunakan alternatif bekas terbiodegradasi dan tidak menggunakan polisterina dalam proses pembungkusan makanan serta pemberian penyedut minuman (straw) plastik hanya berdasarkan permintaan pelanggan. Digalakkan untuk tidak menawarkan penggunaan plastik sekali guna dalam urusan penjualan.

*Adalah menjadi satu kesalahan kerana melanggar syarat lesen dan boleh dikenakan tindakan di bawah UUK13(2) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MJB) 2016.*

9. Bagi pembayaran secara atas talian di ekhidmat.my, lesen boleh diterima secara pos atau diambil di kaunter Jabatan Pelesenan, Menara MBBJ selepas 14 hari pembayaran telah dibuat.

Sila layari laman sesawang MBBJ di [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my) , emel jabatan di [pelesenan@mbjb.gov.my](mailto:pelesenan@mbjb.gov.my) atau hubungi 07-2198293, 07-2198149, 07-2198294, 07-2198295, 07-219 8296, 07-219 8297 untuk keterangan lanjut.

## MAKLUMAN

Kegagalan memperbaharui lesen mengikut tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan lesen perniagaan dan iklan dibatalkan. Pemilik lesen perlu membuat permohonan baharu berserta dokumen yang diperlukan.